

04 MAR 1997

Moggie-Undang-undang

UNDANG-UNDANG SIBER BERSIFAT NASIONAL

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Undang-undang siber yang akan diwujudkan akan bersifat nasional dan penggunaannya tidak akan terhad kepada Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC) sahaja, kata Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie hari ini.

Beliau menyatakan mereka yang menggunakan komputer untuk melakukan jenayah, sama ada di dalam kawasan MSC ataupun di luar, akan dihukum mengikut undang-undang berkenaan jika didapati bersalah.

"Sudah tentu kita perlu mengenal pasti penjenayahnya terlebih dahulu dan ini bukan perkara mudah dalam dunia komputer," kata beliau kepada pemberita selepas perasmian Persidangan Telekomunikasi 1997 selama dua hari, yang dianjurkan oleh Institut Jurutera Malaysia di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan bulan lepas draf undang-undang siber itu telahpun siap dan akan dibentangkan di Parlimen bulan ini.

Mengenai soal sama ada lebih banyak lesen pembekal perkhidmatan Internet (ISP) akan dikeluarkan, Moggie menyatakan dua pembekal yang sedia ada telah mencukupi buat masa ini.

Selain Telekom Malaysia, perkhidmatan Internet dibekalkan oleh Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (Mimos) Bhd melalui rangkaian Jaring.

Bagaimanapun, Moggie tidak menafikan kemungkinan lesen ISP ditambahkan pada masa akan datang jika terdapat permintaan.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau menyatakan pelaburan dalam industri telekomunikasi di negara ini dijangka mencapai antara RM62.5 bilion dana RM125 bilion menjelang tahun 2020. -- BERNAMA

MAM RI NMO